

# Anakanda Tunku Abdul Rahman terima ijazah



**TUNKU Noor Hayati Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj menerima Ijazah Sarjana Falsafah di dalam Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, semalam.** - UTUSAN/MOHD. AZIM ABD. RAHMAN

KUALA LUMPUR 1 Okt. - Penerima Ijazah Sarjana Falsafah pada istiadat konvokesyen Universiti Malaya (UM) ke-52, Datin Tunku Noor Hayati menyifatkan pengalaman yang dilaluinya hari ini sangat bermakna dalam hidupnya kerana berlangsung dalam Dewan Tunku Canselor yang dirasmikan oleh Almarhum ayahandanya sendiri, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj pada 1966.

Tunku Noor Hayati, 46, yang melengkapkan kajian sarjana bertajuk *Intervensi Perlakuan* dengan mengkaji berkaitan masyarakat Malaysia yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah sehingga memberi kesan kepada aspek kehidupan, bangga apabila menerima ijazah sarjana daripada UM yang ayahandanya dilantik sebagai Canselor pertama.

Pemangku Raja Perak yang juga Pro Canselor UM, Raja Dr. Nazrin Shah menyempurnakan istiadat konvokesyen itu.

Menurut Tunku Noor Hayati, minat terhadap aspek kebajikan masyarakat mendorong beliau mendalami bidang itu sehingga berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Falsafah daripada UM hari ini.

Beliau yang banyak terlibat dengan aktiviti kebajikan masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mahu mendalami sikap masyarakat dan sebab mereka boleh terjebak dengan

penyalahgunaan dadah.

"Saya berjumpa dengan ramai orang yang terlibat dengan dadah dan itu memberi iktibar kepada saya untuk memahami dan mendalami kenapa mereka menjerus terhadap perkara itu. Jadi saya fikir saya perlu belajar ke peringkat lebih tinggi dan sebab itu saya melanjutkan pelajaran di UM," katanya ketika ditemui pemberita selepas istiadat itu.

Dalam majlis sama, Ketua Pengarah Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Irina Bokova, tokoh korporat terkemuka negara, Tan Sri Azman Hashim dan tokoh seni bina terkenal, Datuk Dr. Kenneth Yeang Kin Mun turut menerima anugerah Ijazah Kehormat daripada Raja Dr. Nazrin atas sumbangan mereka kepada masyarakat.

Tokoh bahasa Melayu yang juga pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Hashim Musa pula menerima gelaran Profesor Emeritus UM berikutan sumbangan berterusan beliau memartabatkan bahasa itu.

Seramai 560 graduan UM menerima ijazah pada hari kedua istiadat konvokesyen hari ini.

Jumlah keseluruhan graduan bagi istiadat Konvokesyen UM Ke-52 kali ini ialah 4,449 orang.